

**TEKS UCAPAN
NAIB CANSOLOR UNIMAP
DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PERLIS ENGINEERING RESEARCH LEARNING &
INNOVATION SYMPOSIUM (PERLIS 4.0) 2018
25 JULAI 2018
DI DEWAN KECEMERLANGAN, KAMPUS ALAM UniMAP, PAUH PUTRA**

Bismillah hirrahman nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Perlis, “Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju”

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI DIRAJA

Menghadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, merangkap Tuanku Canselor UniMAP

dan

Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, merangkap Tuanku Pro-Canselor UniMAP.

Ampun Tuanku, sembah patik mohon diampun,

Patik dan seluruh warga Universiti Malaysia Perlis merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan Duli Tuanku berdua berangkat bercemar duli sekaligus merasmikan **Majlis Penutup Perlis Engineering Research Learning & Innovation Symposium (PERLIS 4.0) 2018** yang diadakan pada hari yang berbahagia ini.

Patik amat terharu dengan komitmen jitu yang diberikan Duli Tuanku berdua dalam menyuburkan budaya inovasi dan penyelidikan di kalangan generasi muda di negeri Perlis ini khasnya. Sesungguhnya, penglibatan Duli Tuanku Berdua dalam hal ini pastinya menyemarakkan lagi semangat anak-anak muda di dewan ini untuk terus menghasilkan inovasi dan penyelidikan yang memberikan manfaat yang besar kepada masyarakat.

Ampun Tuanku, izini patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang dimulihkan.

SALUTASI

Yang Berbahagia Dato' Johari Mohd Darus, Setiausaha Yayasan Tuanku Syed Putra,

Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor UniMAP,

Pegawai- pegawai Utama UniMAP,

Yang Berusaha Tuan Haji Izmi Haji Ismail, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Perlis,

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Mohd Mustaffa Al Bakri, Setiausaha Agung MyRIS,

Yang Berbahagia Prof. Datin Paduka Datuk Dr. Hjh. Ramlah Adam, Pengarah Institut Kajian Institusi Raja, Kepimpinan & Komuniti (IKRK) merangkap Pengarah Perlis Engineering Research Learning & Innovation Symposium (PERLIS 4.0)

Dekan-dekan dan ketua jabatan

Pengetua - pengetua sekolah,

Guru-Guru Penyelaras, Rakan-rakan media,

Pensyarah dan Fasilitator Perlis Engineering Research Learning & Innovation Symposium (PERLIS 4.0) 2018 seterusnya ,

Para Peserta Perlis Engineering Research Learning & Innovation Symposium (PERLIS 4.0) 2018

ALUAN KATA

1. Terlebih dahulu ingin saya merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah Azzawajalla kerana dengan izinNYA dapat kita bertemu pada hari ini sempena **PERLIS ENGINEERING RESEARCH & LEARNING INNOVATION SYMPOSIUM 4.0**. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada jawatankuasa pengelola kerana berjaya menganjurkan program ini. Pengelolaan ini adalah satu pengiktirafan di atas kebolehan dan kemampuan penganjur untuk mengurus serta mengendalikan satu program ilmiah seumpama ini.
2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang turut hadir bagi menjayakan program pada hari ini. Saya yakin, kehadiran anda ini menunjukkan keprihatinan serta komitmen padu kita untuk sama-sama menyemarakkan lagi semangat bersatu padu di dalam diri kita.

Hadirin yang dihormati,

PENDIDIKAN ALAT TRANSFORMASI NEGARA

3. Peranan pendidikan sebagai alat transformasi dalam membentuk dan menentukan hala tuju sesebuah Negara sebenarnya wujud sejak

sejarah tamadun manusia lagi. Atas dasar itulah, Kerajaan Malaysia meletakkan keutamaan yang tinggi kepada isu pendidikan rakyatnya kerana pendidikanlah menjadi landasan utama untuk mengoptimumkan potensi setiap pelajar. Kerajaan juga sedar bahawa dengan adanya pendidikan ini ia akan dapat membela nasib rakyat dan memajukan sesebuah Negara. Kita sedar bahawa dengan menyediakan kemudahan pendidikan yang baik, kurikulum yang berkualiti dan guru yang cemerlang, kita dapat mendidik anak-anak kita menjadi insan yang berjaya dan membantu negara mencapai kegemilangan. Oleh yang demikian, elemen kreativiti, inovasi, nilai tambah tinggi mampu dalam membentuk kejayaan masa depan Negara Malaysia.

4. Malaysia kini berada dalam landasan yang betul ke arah mencapai ekonomi berpendapatan tinggi yang menggunakan pendekatan berpaksikan inovasi, kreativiti dan nilai tambah tinggi. Bagi mencapai matlamat ini, Negara memerlukan masyarakat yang mengamalkan budaya kreatif dan inovatif untuk menjayakan hasrat Negara. Sekolah merupakan inkubator inovasi paling penting dalam usaha melahirkan generasi pemikir serta pencipta masa depan.

Hadirin sekalian,

**PERLIS ENGINEERING RESEARCH & LEARNING INNOVATION
SYMPOSIUM 4.0**

5. Saya difahamkan pada tahun ini, kita menerima 45 produk penyertaan daripada 13 buah sekolah di Negeri Perlis. Ini merupakan sesuatu yang perkembangan yang memberangsangkan dan harapan kita agar lebih banyak lagi penyertaan di masa akan datang.

6. Seperti yang kita sedia maklum, penganjuran pertandingan ini adalah bertujuan untuk menguji kebijaksanaan dan kreativiti pelajar dalam menyediakan produk-produk yang kreatif bagi melahirkan pelajar-pelajar yang berfikiran kreatif dan berdaya inovatif. Selain itu juga, pertandingan ini juga adalah salah satu strategi untuk melahirkan saintis dan jurutera yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.
7. Untuk makluman hadirin sekalian, tahun lalu, UniMAP dengan kerjasama YTSP telah menaja seorang pelajar bagi menyertai Kaohsiung International Invention & Design (KIDE), Taiwan (2015 - 2016) dan Seoul Trade Exhibition & Convention (SETEC), Korea (2017).
8. Harapan saya, semoga akan lebih banyak lagi penyelidik -penyelidik muda akan dapat dilahirkan di negara kita dan lebih banyak lagi penaja yang bermurah hati untuk menjadikan perkara ini kenyataan dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai negara maju.

Hadirin dan hadirat sekalian,

PENUTUP

9. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada jawatankuasa yang terlibat dibawah kendalian IKRK dan MyRIS dalam memastikan kelangsungan dan kelancaran program pada hari ini.
10. Semoga segala usaha dan matlamat penganjuran program ini akan tercapai sekali gus memberikan manfaat yang cukup besar untuk kita semua.

Kepada para peserta, sukalah saya mengingatkan semua agar menggunakan peluang yang diberikan dan memanfaatkan ilmu-ilmu yang telah dicurahkan dengan sebaik-baiknya.

Ampun tuanku,

11. Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata, patik sekali lagi mewakili seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga kebawah Duli Tuanku berdua kerana sudi bercemar Duli berangkat ke majlis pada hari ini dan sentiasa memberi sokongan terhadap program-program UniMAP.

Patik sudahi dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh.

Terima Kasih